Sofian, who was the defending champion, said the criterium was his last practice outing before the Tour de Langkawi multi-stage race and added that he was pleased with the workout.

His fellow teammates from the National Sports Council – Muhd Zawawi Azman, Irwandie Lakasek, Afiq Huznie Othman and Akmal Hakim Zakaria – trailed him home not far behind to complete the top five spots.

Being a points race, their strategy was to sprint ahead of the pack for a lap, which awards points, and then ease off to recover stamina while maintaining a brisk pace.

"The criterium is a great event for us to test our performance before a major race. It was also my last test before last year's Le Tour de Langkawi," Sofian said.

MBSA corporate communications and public relations head Shahrin Ahmad explained that organising the race was part of the Shah Alam City Council's (MBSA) ongoing initiative to foster a healthy lifestyle within the city and also a bid to uncover hidden talents in cycling that could be further developed to the national level.

Shah Alam mayor Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad witnessed the men's Open criterium and presented the awards to the winners.

"It looks like the cyclists who competed are fuelled by the sporting spirit. They are not racing for the prizes but they are doing it for the love of the sport.

"Many of the participants here are from cycling teams and are competing on a higher level, such as the Le Tour de Langkawi cyclists and the Selangor team who are training for the Malaysia Games (Sukma) in July.

"It is also good to know that many of the riders have come from outside of Shah Alam to compete and test their performance here.

"We hope we can continue to develop more cycling related activities in the city and make them even more impactful," Ahmad Zaharin said.

The annual competition, which is popular with cycling clubs as well as amateurs and seasoned riders across the country, was again held on the 2.2km stretch of roads surrounding Taman Tasik Shah Alam in Section 14.

This year's race was the 16th edition and attracted around 300 participants, including local as well as international cyclists from the UK, Thailand, Singapore and Indonesia.

The one-day competition was held from the morning and saw participants taking part in a mountain bike and children category, while the criterium was held in the afternoon.

The mountain bike and criterium categories were each divided into six more categories for cyclists Under-15, Under-18, Junior Master 36-45, Senior Master above 46, Men's Open 19-35 and a Women's Open.

1 The Under-18 cyclists taking the first corner of the course during the 2016 Shah Alam criterium in Section 14, Shah Alam.

2 Ahmad Zaharin (centre) with the winners of the men's Open category.

3 Cyclists making their way on the course during the women's Open.

— Photos: C.Y. LEE/The Star

Powered by: isentia

Headline	KPS to join non-revenue water reduction scheme		
MediaTitle	The Star		
Date	22 Mar 2016	Color	Black/white
Section	StarBiz	Circulation	338,368
Page No	1,2	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	213 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,336

KPS to join non-revenue water reduction programme

>2

KPS to join non-revenue water reduction scheme

Investment firm to buy 51% stake in water solutions company

PETALING JAYA: Kumpulan Perangsang Selangor Bhd (KPS) plans to participate in the non-revenue water (NRW) reduction programme under the federal and Selangor state governments.

KPS, a subsidiary of Selangor state investment arm Kumpulan Darul Ehsan Bhd, told Bursa Malaysia that newly acquired wholly-owned subsidiary Nadi Biru Sdn Bhd had proposed to invest 51% in Smartpipe Technology Sdn Bhd (SPT) for RM5.1mil.

Earlier, KPS had announced on the same day that it had acquired a 100% stake in Nadi Biru, or two ordinary shares in the company, for RM2. The two ordinary shares in Nadi Biru were previously held by Ahmad Fariz Hassan and Rosely@Mohamed Ross Mohd Din, respectively.

Ahmad Fariz is the acting chief executive officer of KPS, a position he has held since last September, while Mohamed Ross is an independent director in KPS.

Ahmad Fariz and Mohamed Ross, together with Datuk Kamarul Baharin Abbas, a member of parliament for Teluk Kemang, Negri Sembilan, are the directors of Nadi Biru.

On the proposed investment in SPT, KPS said: "Both parties intend to enter into the business of the marketing, selling and installing of pipes and other products, know-how and technology granted under the licence agreement primarily for the rehabilitation of water mains, drains and sewers."

SPT is an engineering company offering integrated solutions to water and other utility companies for the maintenance of their pipeline assets for the reduction of NRW.

Dutch firm Wavin Overseas BV has given SPT a licence to market, sell and install plastic pipe systems and other patented products in Malaysia together with the right to use the know-how, subject to the terms and conditions set out in the licence agreement signed in November last year.

KPS said Wavin, established in 1955, had operations in over 25 countries.

KPS also noted that the proposed investment would enable the group to leverage on its past experience in the water industry, mainly in the upstream segment.

"The establishment and execution of the NRW reduction programme under the federal and state government initiatives and the unique selling points of Wavin's product, which provides competitive advantages over the current available technology, could potentially shore up SPT's order book for the next five years," it said.

Powered by: isentia

Headline	Bantu pelajar miskin teras perjuangan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	4	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	496 cm²
Journalist	AQMAR ALLADAD	AdValue	RM 12,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,764

Apa kata mereka

"Program ini merupakan peluang kedua kepada pelajar yang tidak memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

DATUK SERI MAHDZIR KHALID
Menteri Pendidikan

"Pelajar yang tidak berkemampuan masih ada harapan untuk sambung belajar supaya tidak keciciran dalam bidang pendidikan.

DATUK SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi

"Program ini memberi nilai dan makna bagi membantu para pelajar daripada golongan berpendapatan rendah supaya mereka tidak menghadapi kesukaran untuk menimba ilmu.

DATUK IRMOHIZAM IBRAHIM
Ahli Parlimen Kuala Selangor

"Saya mengharapkan gelombang sukarelawan yang menyertai program ini dapat membawa anak muda yang tercicir untuk melanjutkan pelajaran mereka.

DATUK MOHD. AIZUDDIN MOHD. GHAZALI
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Destini Anak Bangsa

"Ibu bapa perlu peka dengan peluang yang telah disediakan kerajaan supaya anak-anak dapat terus belajar meskipun mereka daripada kalangan keluarga tidak berkemampuan.

ABDULLAH ASRI, 59
Nelayan

NAJIB (tiga dari kiri) mengibarkan bendera Jelajah Pendidikan Bumiputera 2016 ketika melancarkan program tersebut di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Kuala Selangor semalam. Turut kelihatan Irmohizam (kiri sekali), Sahol Hamid (dua dari kiri) dan Mohd. Aizuddin (empat dari kiri).

Powered by: isentia

Headline	MBPJ tawar RM10,000 untuk kaki pancing sempena JJPJ		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	12	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	95 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,771

MBPJ tawar RM10,000 untuk kaki pancing sempena JJPJ

PETALING JAYA – Hadiah keseluruhan lebih RM10,000 bakal menjadi rebutan peserta pertandingan memancing Jelajah Joran Petaling Jaya (JJPJ) 2016 anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Tasik Bandaraya Kelana Jaya di sini Sabtu ini.

Juara pertandingan akan membawa pulang RM3,000, naib juara (RM2,000) dan tempat ketiga (RM1,000).

Pemenang tempat keempat hingga ke-10 pula menerima RM200 seorang, tempat ke-11 hingga 20 sebanyak RM100 manakala tempat ke-21 hingga 30 menerima RM50 setiap seorang serta tempat ke-31 hingga 40 (RM40).

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar, sebanyak 800 peserta dijangka mengambil bahagian dalam acara bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari itu.

"Kita menawarkan hadiah lumayan kepada kaki pancing dan sebanyak satu tan ikan pelbagai spesies termasuk patin serta keli bersaiz antara tiga hingga enam kilogram telah dilepaskan di tasik berkenaan," katanya.

Mereka yang berminat boleh layari laman *facebook.com/jorankl* atau menghubungi urus setia di talian **017-372 7420, 013-305 2811** dan **012-284 6811.**

Powered by: isentia

Headline	Restoran 24 jam di Selayang wajib tutup 2 jam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1604 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 31,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 95,979

RESTORAN 24 jam menjadi pilihan ramai kerana kepelbagaian hidangan dan waktu operasinya yang panjang memberi kemudahan kepada penduduk sekitarnya.

Pembersihan perlu dilakukan demi keselamatan makanan

Restoran 24 jam di Selayang wajib tutup 2 jam

UTUSAN: Boleh terangkan sedikit sebanyak peraturan serta syarat pelesenan MPS terhadap restoran atau premis makanan yang beroperasi 24 jam?

SULIMAN ABD. RAHMAN: Mana-mana restoran yang beroperasi selama 24 jam diwajibkan menutup premis mereka selama dua jam untuk tujuan pembersihan premis.

Penutupan itu perlu dilakukan pada pukul 4 pagi sehingga 6 pagi setiap hari dan plat 'Penutupan Pembersihan' juga diwajibkan ditampal untuk tujuan pemberitahuan kepada pelanggan.

Langkah penutupan ini telah dikuatkuasakan sejak 2 Januari lalu selepas mengadakan perbincangan dengan pengusaha restoran 24 jam sekitar Selayang berkenaan arahan baharu itu dan mendapat penerimaan positif rata-rata pemiliknya.

Tahap kebersihan sesebuah premis sentiasa dipersoal terutama kebersihan makanannya, apakah tindakan MPS menangani persepsi ini?

Makanan yang dalam keadaan panas serta bersih menjadi agenda utama setiap sajian yang dihidangkan pemilik bagi mengelak sebarang wabak penyakit seperti demam kepialu dan penyakit leptospirosis (kencing tikus) tidak menular.

MPS mengehadkan makanan yang dipamer hanya selama empat jam sahaja selain memastikan suhu makanan adalah 60 darjah Celsius.

Selain itu, MPS juga tidak membenarkan pembuangan sisa minyak masak ke dalam longkang secara terbuka kerana minyak tersebut perlu dikumpul dan dihantar kepada syarikat yang mengitar semula minyak masak.

Bagi MPS, apakah syarat-syarat khas yang diwajibkan kepada pemilik restoran 24 jam?

Semua restoran 24 jam perlu mempunyai sekurang-kurangnya dua sesi waktu bekerja bagi meneruskan operasi tanpa hentinya.

Selain itu penyediaan tong sampah jenis 24L sebanyak dua unit atau satu unit 660L turut disyaratkan.

Premis juga tidak dibenarkan menyebabkan jatuh, mengalir atau meletakkan sebarang jenis kotoran yang boleh mendatangkan kacauganggu ke atas dan ke dalam parit awam.

Sementara restoran makanan segera pula kebiasaannya tidak mempunyai masalah kerana mempunyai jadual kerja pembersihan sendiri namun MPS akan turut memantau dari semasa ke semasa.

Adakah sebarang penanda aras bagi mengukur tahap kebersihan di premis makanan ini?

Pelaksanaan laporan harian pemeriksaan kendiri itu yang dilaksanakan itu penting kerana Bahagian Pematuhan Lesen, Jabatan Pelesenan MPS menitikberatkan enam aspek penting dalam penilaian.

Ia merangkumi pengendalian makanan, keadaan restoran, kawalan serangga, kemudahan sanitasi, penyediaan bahan mentah serta keadaan stor simpanan yang memerlukan perhatian supaya menepati piawaian dikehendaki serta mengelak sebarang bentuk penguatkuasaan serta penutupan restoran tersebut.

Sebanyak 2,600 premis makanan terlibat dalam penggredan selain pemeriksaan berkala bagi memastikan pengusaha makanan menjaga kebersihan dan keselamatan makanan.

Apakah yang perlu diberi perhatian pemilik restoran dalam tempoh dua jam penutupan pembersihan?

Kesemua pemilik restoran 24 jam diwajibkan membuat pemeriksaan kendiri secara harian berdasarkan borang yang telah dibekalkan MPS.

Antaranya pemeriksaan ke atas perangkap minyak yang perlu dicuci setiap hari dan juga memastikan tandas, tempat mencuci tangan dalam keadaan bersih selain lengkap dengan kemudahan air, sabun, tisu dan peralatan mencuci.

Kelonggaran tempoh penutupan itu bergantung kepada kesesuaian pemilik premis itu sendiri antara dua atau tiga jam setiap hari untuk membolehkan kerja pembersihan dilakukan.

Bagaimana pula denda atau adbat yang akan dihadapi pemilik restoran sekiranya gagal mematuhi ketetapan tersebut?

Kegagalan pemilik premis mematuhi peraturan terutama arahan menutup premis selama dua jam bagi tujuan pembersihan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Peruntukan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MPS (2007) dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPS (2007).

Sesebuah restoran itu boleh diarahkan tutup selama 14 hari untuk kerja-kerja pembersihan di bawah Seksyen 8 (5), 27 (2) dan 19 (1).

Penalti juga akan dikenakan ke atas mana-mana kesalahan di bawah peruntukan yang sama dengan denda sebanyak RM2,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya sekali serta denda tambahan RM200 bagi setiap hari kesalahan.

Bagi pesalah yang masih berdegil pula tindakan pembatalan lesen perniagaan turut boleh diambil.

Harapan serta nasihat kepada pemilik restoran serta pengunjung?

MPS berharap lebih 200 pemilik restoran 24 jam dalam kawasan Selayang dapat mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan juga memastikan kebersihan makanan dan persekitaran menjadi keutamaan dalam penyediaan makanan yang bersih dan berkualiti.

Pengunjung juga harus lebih teliti dalam membuat pemilihan tempat makan yang hendak dikunjungi dengan memastikan mengunjungi ke premis atau restoran yang bersih sahaja.

Kesemua pihak iaitu peniaga, warga Selayang termasuk pihak MPS sendiri memainkan peranan penting dan saling bergantungan dalam membentuk komuniti dan perbandaran strategik, indah dan selamat.

MUKADIMAH KEWUJUDAN restoran makanan yang beroperasi 24 jam begitu popular dan menjadi pilihan rakyat pelbagai lapisan umur untuk menjamu selera tanpa mengira waktu selain sajian menu yang pelbagai di bawah satu bumbung merangkumi sarapan, makanan tengah hari, minum petang, makan malam serta hidangan hingga ke dinihari.

Bagaimanapun waktu operasinya yang berterusan tanpa ditutup diberi perhatian Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memandangkan tahap kebersihan sering kali dipandang sepi segelintir pemilik premis.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **AMIRUL AIMAN ANUAR** menemubual Yang Dipertua MPS, **SULIMAN ABD. RAHMAN** bagi memberi pencerahan sekali gus menangkis dakwaan penguatkuasaan yang lemah terhadap kebersihan operasi restoran 24 jam terutama dari aspek kebersihan premis dan kualiti makanannya.

PENGUAT kuasa MPS menyita kelengkapan sebuah restoran yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan dalam satu operasi tahun lalu.

SUNTIKAN imunisasi tifoid dalam kalangan pekerja premis makanan juga penting untuk mengelakkan jangkitan demam kepialu.

Sedia kemudahan lengkap, selesa tarik rakyat bekerja di restoran

Kenaikan levi: Makanan di restoran India Muslim akan turut meningkat...

KERATAN *Utusan Malaysia* 8 Februari 2016.

TEH tarik adalah antara minuman yang sering dipesan oleh pelanggan di restoran 24 jam.

SESETENGAH premis menjual makanan tidak memasang perangkap minyak sekali gus menyebabkan pencemaran air di longkang dan sungai. – GAMBAR HIASAN

Powered by: isentia

Headline	Kisah adik Ecah dan bas Smart Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	502 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,765

Kisah adik Ecah dan bas Smart Selangor



SETELAH lebih 40 hari adik Siti Nuraisyah Sahrin @ adik Ecah, 13, menghuni hospital akhirnya dia kembali ke Sungai Panjang. Tentunya kehidupannya tidak sama sebelum ini apabila dia terlibat dalam tragedi kemalangan yang menyebabkan kedua-dua belah kakinya terpaksa dipotong selepas hancur digilis lori semasa dalam perjalanan pulang ke rumahnya dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Terap, Sungai Besar.

Kejadian pada 18 Januari itu, bagi pelajar Tingkatan Satu yang tinggal di kawasan Rancangan Tanah Belia (RTB) 2, Sungai Panjang ini mungkin memberikan kesan psikologi yang mana ia turut dirasakan oleh semua rakyat khususnya di kawasan Sungai Panjang yang mana saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu.

Hari itu, adik Ecah menunggang motosikal bersama kakak tirinya, Shamin Amirah Roslan, 14, untuk pulang ke rumah. Ini adalah perkara biasa bagi pelajar SMK Bagan Terap menaiki motosikal sebagai pengangkutan utama ke sekolah.

Alasan sering dimaklumkan sama ada ibu bapa atau pelajar di Sungai Panjang ini ialah mereka sebenarnya tidak ada pilihan lain untuk berulang-alik ke sekolah. Ketiadaan kemudahan pengangkutan awam di kawasan itu menyebabkan mereka terpaksa menunggang motosikal walaupun sebahagiannya tidak mempunyai lesen.

Apa tidaknya, sekolah yang paling terdekat bagi pelajar di kawasan kampung Siti Nuraisyah itu adalah SMK Bagan Terap dan itu pun jaraknya hampir 20 Kilometer. Ini tidak memungkinkan mereka berjalan kaki atau mengayuh basikal.

Kawasan tersebut difahamkan yang didiami kira-kira 70 keluarga itu tidak mempunyai sebarang pengangkutan awam termasuk bas, sejak 1996 lagi. Tiada syarikat pengangkutan yang berminat untuk melalui kawasan tersebut atas alasan tidak menguntungkan.

Dalam keadaan ini saya teringat Bajet Selangor 2016 pada tahun lalu yang membabitkan pengangkutan awam. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk memperluaskan perkhidmatan bas 'Smart Selangor' secara percuma kepada orang ramai di kawasan Ampang Jaya dan Kajang pada tahun ini.

Jumlah peruntukan tersebut adalah tambahan daripada peruntukan asal sebelum ini iaitu RM3.5 juta di bawah program sama melibatkan kawasan Shah Alam, Subang Jaya dan Klang. Program ini antara lain untuk mengurangkan kesesakan, alam sekitar termasuklah untuk meringankan beban rakyat.

Namun, apakah benar perkhidmatan bas Smart Selangor itu benar-benar memberi manfaat kepada rakyat Selangor?

Melihat daripada pelaksanaan perkhidmatan bas itu, ia sebenarnya dilihat tidak begitu memberi manfaat keseluruhan kepada rakyat kerana kerajaan negeri hanya memfokuskan kepada kawasan bandar semata-mata.

Sedangkan keperluan pengangkutan awam yang cekap, murah dan mungkin percuma lebih mendesak untuk rakyat di luar bandar seperti adik Ecah dan rakyat kebanyakan, yang kadang kala tiada pilihan seperti penduduk di bandar.

Di bandar besar dalam Selangor, bas percuma ini adalah satu pilihan dan keselesaan hidup. Ia diwujudkan untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan jalan raya. Namun di luar bandar ia adalah keperluan. Mungkin sudah tiba masanya kerajaan negeri mengutamakan rakyat yang memerlukan, bukan sekadar memikirkan keselesaan hidup di bandar semata-mata.

Kalau difikirkan, pelaksanaan perkhidmatan bas Smart Selangor oleh kerajaan PKR Selangor itu seolah-olah satu perkara yang melucukan dan tidak lebih sekadar kepentingan politik semata-mata.

Ia seolah-olah untuk menunjukkan kerajaan negeri prihatin dengan nasib rakyat. Dalam masa ini membolehkan mereka menuding jari kepada Kerajaan Pusat yang kononnya menjadi punca kepada peningkatan kos sara hidup rakyat.

Mengapa kerajaan negeri tidak melaksanakan perkhidmatan bas Smart Selangor kepada rakyat di luar bandar sama ada di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sepang? Apakah pada perkiraan kerajaan negeri bahawa rakyat di kawasan-kawasan luar bandar seperti adik Ecah tidak memerlukan perkhidmatan tersebut atau tidak penting?

Jika dibandingkan dengan kawasan bandar dan luar bandar, kemudahan pengangkutan awam ini boleh diibaratkan seperti 'langit dan bumi' yang mana kepada rakyat di kawasan bandar mereka mempunyai akses pelbagai dalam mendapatkan kemudahan awam. Namun, bagi rakyat di luar bandar, apakah pilihan yang mereka ada?

Apakah rakyat perlu menunggu ketika kempen pilihan raya barulah menteri besar dan calon-calon pakatan pembangkang yang bertanding di kawasan luar bandar terhegeh-hegeh mahu melancarkan program bas Smart Selangor untuk memancing sokongan untuk mengundi mereka?

Dalam isu perkhidmatan awam seperti bas Smart Selangor ini, kerajaan negeri tidak sepatutnya bersikap pilih kasih dalam membantu rakyat. Bagi kawasan RTB2 dan mungkin di kawasan-kawasan luar bandar di negeri ini, sesetengah daripada mereka bukannya hidup semewah seperti menteri besar dan barisan exco kerajaan negeri lain. Ada di antara mereka kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Maka, untuk membolehkan mereka keluar daripada kepompong kehidupan sedemikian, maka sudah tentunya mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada anak-anak masing-masing untuk maju dalam pendidikan. Begitulah juga harapan mereka terhadap keselamatan anak-anak mereka.

Hampalah ibu bapa pelajar miskin ini apabila melihat harapan mereka untuk melihat anak-anak mereka itu berjaya dan maju itu tidak kesampaian hanya kerana sikap berpilih kerajaan negeri dalam menyediakan kemudahan pe-

Powered by: isentia

Headline	Kisah adik Ecah dan bas Smart Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	502 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,922
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,765

ngangkutan awam kepada mereka.

Pada hemat saya, Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya melaksanakan di luar bandar dulu sebelum ditawarkan kepada penduduk bandar kerana di sini ia adalah soal keperluan dan keselamatan manakala di bandar ia soal politik dan keselesaan.

Ada desas-desus Bas Smart Selangor akan diperluaskan ke luar bandar. Apakah jaminan seperti Rancangan Tanah Belia (RTB2), DUN Sungai Panjang akan memperoleh kemudahan ini? Adakah kita mahu insiden adik Ecah berulang lagi sehingga meninggalkan kesan yang mendalam kepada kami? Jangan tunggu sampai 'nasi menjadi bubur'.

PENULIS ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang.

SITI NURAISYAH SAHRIN ketika membuat persiapan untuk ke sekolah di rumahnya di Sungai Besar, Sabak Bernam, baru-baru ini. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

Powered by: isentia

Headline	Laluan susur Bandar Sungai Long dibuka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,056
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,168

Lebih 10, 000 penduduk sekitar terima manfaat

Laluan susur Bandar Sungai Long dibuka

Oleh AMIUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

■ **HULU LANGAT 21 MAC**

LEBIH 10,000 pengguna Lebuhraya Lingkaran Kajang (Lebuhraya SILK) kini menarik nafas lega dengan pembukaan susur keluar dan masuk ke Taman Bukit Sungai Long, Cheras di sini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Mohd. Sayuthi Bakar berkata, pembukaan jalan baharu dari Lebuhraya SILK itu bakal memberi manfaat kepada rata-rata penduduk Bandar Sungai Long dan kawasan sekitar.

Katanya, pada masa ini laluan keluar dan masuk ke kawasan tersebut adalah melalui Jalan Sungai Long dari Bandar Mahkota Cheras dan Lebuh Raya Cheras-Kajang yang tidak lagi mampu menampung jumlah kenderaan semakin meningkat.

"Kepesatan pembangunan di kawasan ini mengakibatkan penduduk berdepan kesesakan yang sangat ketara terutama pada waktu puncak iaitu pagi dan petang sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kerja pembinaan jalan ini yang memakan masa selama enam bulan, siap pada November 2015 dengan anggaran kos sebanyak RM3 juta oleh pihak pemaju projek perumahan Taman Bukit Sungai Long," katanya selepas merasmikan pembukaan susur keluar dan masuk lebuh raya berkenaan di sini.

Pembukaan jalan tersebut memberi laluan akses keluar dan masuk baharu bagi kira-kira 40,000 penduduk di Taman Taming Indah, Taman Bukit Sungai Long dan Taman Sejati, Cheras di sini tanpa perlu lagi bersesak ke Jalan Sungai Long.

Menurut Mohd. Sayuthi, cadangan pembukaan jalan itu disyaratkan MPKj kepada pemaju semasa kebenaran merancang pada tahun 2002 yang tertakluk kepada kelulusan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

"Namun demikian pelaksanaannya terdahulu ditolak Kementerian Kerja Raya pada Disember 2008 atas alasan jalan masuk sedia ada adalah melalui Bandar Sungai Long dan cadangan pembukaannya akan meningkatkan kos penyelenggaraan.

"Setelah rayuan demi rayuan diusahakan MPKj dan pemaju akhirnya kelulusan berjaya diperoleh pada 2011 selepas dipertimbangkan semula dengan kos pembinaan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemaju," katanya.



MOHD. SAYUTHI BAKAR (dua dari kiri) menyaksikan kenderaan pertama dari Lebuhraya SILK melalui susur masuk ke Taman Bukit Sungai Long , Cheras, selepas merasmikan pembukaan susur keluar dan masuk baharu itu, baru-baru ini.
- UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

Powered by: isentia

Headline	Laluan susur Bandar Sungai Long dibuka		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,056
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,168

PEMBUKAAN susur keluar masuk dari Lebuhraya SILK ke Taman Bukit Sungai Long, Cheras menamatkan penantian lebih 10,000 penduduk berhampiran. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

Powered by: isentia

Headline	Ubah suai rumah, usah abai hak orang lain		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm²
Journalist	kota@utusangroup.com.my	AdValue	RM 6,918
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,753

Ubah suai rumah, usah abai hak orang lain

SETIAP daripada kita pasti berhajat untuk membuat kerja-kerja penyambungan atau pengubahsuaian pada rumah. Alasannya mudah, demi keselesaan setiap kali ahli berkumpul.

Melakukan kerja-kerja pengubahsuaian tidak semudah disangka. Sebaliknya perlu merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan masing-masing. Permohonan pelan perlu dikemukakan dan kerja-kerja pengubahsuaian hanya dibenarkan selepas pelan tersebut diluluskan.

Ada yang sedar, namun mengambil mudah kerana menggganggap sejauh mana tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

Bagi yang berduit, jika mereka mampu melakukan kerja-kerja pengubahsuaian sehingga mencecah puluhan ribu ringgit, apalah sangat sekadar sejumlah kompaun yang kecil.

Peruntukan undang-undang berhubung perkara itu telah digaris oleh PBT di kawasan pentadbiran masing-masing.

Sama ada anda tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, PBT bertanggungjawab seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Labuan tetap terikat dengan undang-undang masing-masing.

PETAK KUNING
Roslah Othman
kota@utusangroup.com.my

Begitu juga PBT di bawah kerajaan negeri Selangor seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan lain-lain.

Apa yang berlaku hari ini sebaliknya, apabila masih terdapat segelintir pemilik kediaman bebas menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian kediaman mereka.

Penyambungan secara haram itu seolah-olah mengambarkan sikap degil mereka tentang kebenaran, kelulusan dan pembinaan yang digariskan oleh PBT.

Ada yang menganggap semua undang-undang dan garis panduan yang diberikan membebankan dan menekan pemilik rumah.

Tindakan PBT mengeluarkan notis dan kerja-kerja meroboh itu didakwa zalim dan kejam. Secara peribadi penulis bersetuju dengan tindakan tersebut kerana ia tidak akan dibuat tanpa sebarang sebab.

Hakikatnya, pengubahsuaian rumah secara haram tanpa kelulusan banyak menimbulkan masalah. Selalunya pengubahsuaian sering melebihi had.

Keadaan ini tentu sekali mengganggu keselesaan jiran. Apabila jiran mengemukakan aduan kepada PBT timbul pula umpatan jiran dengki, busuk hati dan sebagainya.

Hakikatnya, bukan sahaja pencemaran bunyi, bahkan sisa sampah serta kemungkinan juga boleh mendatangkan kerosakan rumah jiran.

Penulis percaya semua itu tidak akan berlaku jika kita tidak bersikap pentingkan diri, peduli hak orang lain serta ambil tahu undang-undang PBT untuk kepentingan dan keselesaan bersama.

Walaupun itu rumah anda , anda membayar kepada bank tiap-tiap bulan termasuk cukai pintu, anda tetap terikat dengan undang-undang dan perasaan jiran juga perlu dijaga.

PEMILIK perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan di kawasan masing-masing bagi mengelakkan tindakan dikenakan terhadap mereka.

Powered by: isentia

Headline	Sedia kerjasama bangunkan Universiti Antarabangsa Al Madinah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	136 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,364

Sedia kerjasama bangunkan Universiti Antarabangsa Al Madinah

SHAH ALAM 21 Mac - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bersedia menjalin kerjasama dengan kerajaan Arab Saudi yang bercadang untuk membangunkan Universiti Antarabangsa Al Madinah di Selangor Cyber Valley, Cyberjaya.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, komitmen yang diberikan PKNS adalah sejajar dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan serantau.

"Melalui perbincangan yang dilakukan bersama kerajaan Arab Saudi, mereka berhasrat untuk membangunkan sebuah universiti di atas sebidang tanah berkeluasan 57.9 hektar di bandar ini.

"Melalui kerjasama ini, PKNS yakin ia akan memberi perkembangan positif di bandar ini. Apabila terbinanya sebuah institusi seperti ini, maka ia bakal menjadi pemangkin kepada ekonomi negara dan menarik perhatian bakal pelabur Arab atau pelabur asing lain untuk melabur di bandar yang dibangunkan oleh PKNS," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Selain itu, Ishak berkata, pembinaan universiti bertaraf antarabangsa itu dapat merancakkan lagi perkembangan ekonomi di Selangor dan seterusnya menjadikan negeri ini sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.

PKNS baru-baru ini menerima kunjungan hormat Penasihat kepada Raja Arab Saudi, Putera Bandar Salman Al Saud di galeri Selangor Cyber Valley yang disambut oleh Pengurus Besar PKNS, Azlan Md. Alifiah.

Turut mengiringi Putera Bandar ialah Imam Besar Masjid Nabawi, Madinah, Dr. Abdul Bari Awwaadh Al Thobaiti.

Mengulas lanjut, Ishak berkata, PKNS percaya sektor pendidikan mampu menjadi sebahagian daripada penyumbang dan janaan pendapatan terutamanya dari segi penjenamaan yang akan meningkatkan lagi imej dan kredibiliti serta menambah sumber ekonomi negeri.

"Melalui sudut lain pula, Selangor akan menjadi pusat tumpuan untuk pelajar asing melanjutkan pelajaran kerana kebiasaannya pelajar kita terpaksa ke luar negara namun di sini kita akan melihat ramai pelajar asing yang bakal melanjutkan pelajaran mereka di sini," katanya lagi.

Selangor Cyber Valley iaitu bandar ke-11 dibangunkan PKNS, merupakan bandar pintar yang mengetengahkan konsep mobiliti, hijau dan mampan dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan sebanyak RM16.9 bilion.

Powered by: isentia

Headline	YANG JELIK		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,883

YANG JELIK

MAJLIS Perbandaran Sepang (MPSepang) digesa melaksanakan kerja pembersihan dan kutipan sampah di Jalan Putra Perdana 5F, Taman Putra Perdana, Puchong ekoran timbunan sampah yang menjijikkan di kawasan itu.

Longgokan sampah itu didakwa tidak dikutip kontraktor MPSepang lebih dari tempoh masa seminggu sehingga menyebabkan lima longgokan besar seterusnya menyebabkan pencemaran bau, pembiakan nyamuk serta haiwan perosak lain seperti tikus.

Pengadu yang enggan dikenali mendakwa, banyak aduan telah dibuat terhadap MPSepang namun tindakan yang diambil lebih kepada 'bila diketuk baru berjalan' kerana longgokan sampah muncul kembali selama beberapa hari.

Tambahnya, tiada langkah penyelesaian konkrit dengan penyediaan tong sampah mencukupi dan tindakan penguatkuasaan bagi menangani masalah longgokan sampah itu.

■ LONGGOKAN sampah yang tidak dikutip di Jalan Putra Perdana 5F, Puchong, Selangor baru-baru ini.

Powered by: isentia

Headline	MOHON		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	1,270,667
Page No	25	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	12 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 473
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,418

MOHON MPAJ membuat rondaan sekitar Ampang, terdapat banyak kereta rosak. Kenderaan yang tidak dipedulikan lagi oleh pemilik, selain menyakitkan mata ia juga menyebabkan kawasan parkir jadi terhad. **»MATBELON** *[IMA11579]*

Powered by: isentia